

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
(PADANG SERAI)**

TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan permohonan kewarganegaraan dan sijil kelahiran mengikut kaum yang diterima bagi tahun 2019 dan berapa permohonan yang telah diluluskan sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tahun 2019, sebanyak 11,163 permohonan kewarganegaraan di bawah semua Perkara Perlembagaan Persekutuan telah diterima. Daripada jumlah permohonan berkenaan, sebanyak 3,509 permohonan telah siap diproses dan dikeluarkan dengan Sijil Warganegara.

Berdasarkan rekod JPN bagi tahun 2019, sebanyak 498,468 kelahiran di Malaysia telah didaftarkan dan direkodkan. Perincian jumlah kelahiran mengikut kaum pada tahun 2019 adalah seperti mana berikut:-

- a. Melayu : 322,990 orang;
- b. Cina : 57,928 orang;
- c. India : 21,554 orang;
- d. Etnik Sabah : 43,159 orang;
- e. Etnik Sarawak : 21,364 orang;
- f. Orang Asli Semenanjung : 5,144 orang; dan
- g. Lain-lain Kaum : 26,329 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelahiran yang berlaku di Malaysia tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran berlaku selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahatarafan anak, dan peraturan imigresen.